

STRUKTUR DAN FUNGSI KERIS MASYARAKAT BUGIS DI SABAH

STRUCTURE AND THE FUNCTION OF BUGIS IN SABAH

Anis Nadirah binti Abdul Khamis^{1*}
Salbiah binti Kindoyop²

^{1,2} Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

anis_nadirah_mc24@iluv.ums.edu.my*

Dihantar/Received: 06 Nov 2025 | Penambahbaikan/Revised: 29 Nov 2025
Diterima/Accepted: 05 Dec 2025 / Terbit/Published: 25 Dec 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v15i2.7144>

ABSTRAK

Kajian ini meneliti struktur dan fungsi keris dalam kehidupan masyarakat Bugis di Tawau, Sabah melalui pendekatan kualitatif yang merangkumi pemerhatian lapangan, temu bual mendalam dan analisis dokumen. Pendekatan ini digunakan bagi memahami makna, peranan serta kedudukan keris dalam konteks budaya masyarakat Bugis. Tumpuan diberikan kepada elemen fizikal keris seperti hulu, bilah, sarung dan pamor yang memperlihatkan keunikan reka bentuk serta lapisan simbolik yang berkait rapat dengan sistem kepercayaan dan konstruksi identiti Bugis. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa setiap komponen keris mempunyai fungsi tersendiri yang menzahirkan nilai kekuatan, kehormatan, status sosial dan warisan keturunan. Selain berperanan sebagai alat pertahanan diri, keris turut berfungsi sebagai lambang jati diri, manifestasi kebanggaan serta medium penyatuan nilai tradisional dalam komuniti. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa keris Bugis bukan sahaja berfungsi sebagai senjata, tetapi juga sebagai simbol kesinambungan adat dan identiti budaya masyarakat Bugis di Sabah.

Kata Kunci : Keris, struktur, fungsi, masyarakat Bugis, warisan budaya

ABSTRACT

This study examines the structure and function of the keris within the Bugis community in Tawau, Sabah. A qualitative research design was employed, incorporating field observations, in-depth interviews and document analysis to explore the meanings and cultural roles of the keris. The study focuses on its physical components including the hilt, blade, sheath and pamor which exhibit distinctive craftsmanship and symbolic meanings closely tied to Bugis beliefs and identity. The findings indicate that each component derives a specific function that represents strength, honor, social status and ancestral heritage. Beyond its utilitarian role as weapon, the keris also embody self-identity, collective pride and the unifying traditional values of the community. Overall, the study demonstrates that the Bugis keris serves not only

as an instrument of defence but also as a symbol of cultural continuity and identity among the Bugis community in Sabah.

Keywords: Keris, structure, function, Bugis community, cultural heritage

PENGENALAN

Keris merupakan salah satu senjata tradisional yang paling ikonik dalam budaya Melayu dan Nusantara. Fungsinya tidak terhad kepada alat pertahanan diri, sebaliknya turut berperanan sebagai simbol status, kuasa serta lambang identiti masyarakat. Dalam konteks masyarakat Bugis, keris menjadi sebahagian daripada warisan budaya yang mencerminkan nilai keberanian, maruah dan kesetiaan terhadap adat serta leluhur. Kepentingannya bukan sahaja terletak pada aspek material, tetapi juga pada nilai simbolik yang melambangkan hubungan antara manusia dengan tradisi, menjadikan keris sebagai objek budaya yang mempunyai kedudukan istimewa dalam sistem sosial Bugis (Ahmad Jelani Halimi, 2012).

Dari aspek strukturnya, keris Bugis lazimnya terdiri daripada empat komponen utama iaitu hulu, bilah, sarung dan pamor. Setiap komponen mempunyai fungsi tersendiri yang saling melengkapi. Hulu atau pegangan bukan hanya berfungsi memberikan keselesaan dan kestabilan kepada pemegang, tetapi juga dianggap menzahirkan kedudukan sosial pemiliknya. Bilah, sebagai komponen utama keris, digunakan bagi tujuan pertahanan serta melambangkan peranan tertentu dalam masyarakat seperti bentuknya yang lurus atau berlok sering dikaitkan dengan nilai simbolik serta status pemilik. Sarung berfungsi melindungi bilah dan mengekalkan kehormatan keris, manakala pamor yang terbentuk melalui proses tempa logam yang rumit dipercayai mempunyai elemen spiritual yang memberikan perlindungan serta keberkatan kepada pemiliknya.



Rajah 1: Reka bentuk Keris

Sumber: Koleksi Pengkaji

Analisis terhadap struktur dan fungsi keris Bugis bukan sahaja penting dari sudut sejarah dan kebendaan, tetapi turut membantu memahami nilai budaya yang tersirat dalam pembentukan identiti masyarakat Bugis. Setiap komponen keris memperlihatkan hubungan erat antara fungsi fizikal dan simbolisme spiritual yang membentuk makna budaya terhadap senjata tersebut. Justeru, struktur keris Bugis dapat ditafsirkan sebagai manifestasi kekuatan, maruah dan kesinambungan tradisi dalam kehidupan masyarakatnya. Kajian ini sekali gus membuka ruang untuk memahami peranan

keris sebagai artifak budaya yang signifikan dalam usaha mengekalkan warisan serta identiti masyarakat Bugis di Sabah.

SOROTAN LITERATUR

Di Sabah terkenal dengan objek budaya yang menampilkan pelbagai warisan masyarakat tertentu. Dalam penulisan Junior Kimwah dan Zaimie Sahibil (2022) menunjukkan corak pada *sunduk* terhasil daripada keupayaan tinggi pembuatnya dalam mengadaptasi dan memerhati alam semula jadi, persekitaran serta sejarah kehidupannya. Kreativiti pembuat *sunduk* membolehkan setiap unsur alam diterjemahkan menjadi bentuk dan corak yang unik serta dapat disampaikan secara visual kepada masyarakat. Unsur kehidupan dan keindahan ini dizahirkan melalui corak geometri dan organik yang diukir pada setiap permukaan *sunduk*. Corak pada ukiran luaran bukan sahaja berfungsi sebagai hiasan, malah mempunyai makna tersirat yang dapat difahami melalui penelitian visual. Keberkesanan corak tersebut terserlah apabila ia mampu berdiri sendiri dan menyampaikan naratif tanpa suara. Unsur objek harian seperti tasbih, keris, bujak dan lambang bulan sabit turut memperkukuh cerita yang ingin disampaikan. Justeru, pembuat *sunduk* tidak dapat dipisahkan daripada unsur kekelakuan dan kewanitaan kerana *sunduk* itu sendiri mencerminkan perjalanan hidupnya sebagai seorang lelaki atau wanita. Gelombang kehidupan inilah yang akhirnya menghiasi *sunduk* melalui corak yang diukir pada permukaannya.

Masyarakat Bugis merupakan salah satu etnik yang kaya dengan nilai seni, falsafah dan simbolisme kehidupan di rantau Nusantara. Sejak penghijrahan mereka dari Sulawesi Selatan ke Kepulauan Borneo pada abad ke-19, pelbagai unsur budaya turut dibawa bersama dan terus membentuk identiti komuniti Bugis di perantauan (Ahmad Rahman, 2021). Antara warisan yang masih kukuh hingga kini ialah tradisi kepahlawanan serta simbolisme kehormatan yang dizahirkan melalui pemilikan dan penggunaan keris. Di Tawau, masyarakat Bugis masih mengekalkan hubungan erat dengan akar budaya nenek moyang mereka dengan menjadikan keris sebagai pusaka keluarga serta lambang kesinambungan nilai dan adat yang diwarisi turun-temurun.

Menurut Zainal Abidin Borhan (2020), dalam konteks warisan budaya tempatan, keris memainkan peranan signifikan sebagai perantara yang menghubungkan masyarakat dengan sejarah, kepercayaan serta sistem nilai sosial mereka. Ia bukan sekadar artifak tradisional, tetapi turut mencerminkan pandangan hidup masyarakat Bugis yang menitikberatkan aspek keberanian, maruah (*siri'*) dan kesetiaan terhadap keluarga dan komuniti. Nilai-nilai ini terus terpancar melalui kedudukan keris dalam pelbagai konteks sosial dan adat di Tawau, termasuk majlis perkahwinan, proses perundingan serta upacara kebudayaan. Walaupun arus modenisasi dan perubahan sosioekonomi memberi kesan terhadap gaya hidup masyarakat masa kini, keris tetap berfungsi sebagai simbol identiti yang dihormati serta dijaga sebagai warisan turun-temurun.

Selain itu, struktur keris Bugis yang terdiri daripada beberapa komponen utama seperti hulu, bilah, sarung dan pamor turut memperlihatkan hubungan antara fungsi fizikal dan nilai simbolik masyarakatnya. Setiap komponen bukan sahaja berperanan dari sudut praktikal, tetapi membawa makna tersendiri yang mencerminkan falsafah hidup dan kepercayaan spiritual masyarakat Bugis. Hulu melambangkan kekuatan dan kestabilan pemilik, bilah menggambarkan keberanian dan ketajaman fikiran, sarung berfungsi sebagai pelindung maruah serta kehormatan, manakala pamor dipercayai mengandungi unsur spiritual yang memberikan perlindungan. Analisis terhadap struktur dan fungsi ini penting bagi memahami bagaimana masyarakat Bugis mengekalkan kesinambungan tradisi serta jati diri mereka melalui warisan budaya yang bersifat simbolik dan fungsional.

KERANGKA TEORI

Kerangka teori bagi kajian ini dibangunkan melalui gabungan pendekatan estetika, semiotik, budaya material dan teori identiti budaya. Pendekatan pelbagai ini penting kerana keris bukan sekadar objek seni, tetapi merupakan artifak budaya yang sarat dengan nilai simbolik, ritual dan sejarah. Oleh itu, teori yang digunakan perlu mampu menerangkan hubungan antara bentuk fizikal, teknik pembuatannya serta peranan sosial keris dalam masyarakat Bugis (Ahmad Jelani, 2012). Melalui integrasi pelbagai teori ini, analisis dapat dilaksanakan secara lebih komprehensif dan tidak terhad kepada deskripsi bentuk semata-mata.

Dari sudut estetika, pendekatan estetika formalis digunakan untuk memahami struktur dan ciri visual keris, termasuk garis, perkadaran, tekstur dan organisasi bentuk pada bilah, hulu serta sarung. Pendekatan ini menekankan aspek visual sebagai asas pengalaman estetika (Yusof et al., 2022). Sementara itu, estetika budaya melihat elemen seni keris sebagai manifestasi nilai, kepercayaan dan sejarah masyarakat Bugis, di mana bentuk atau motif tertentu dikaitkan dengan makna kosmologi, kedudukan sosial atau identiti keluarga. Dalam konteks ini, struktur keris tidak difahami secara neutral, tetapi dianggap sebagai cerminan pandangan hidup pemiliknya (Zulkifli, 2019).

Teori semiotik turut diaplikasikan bagi menerangkan makna yang dibawa oleh motif dan bentuk keris. Berdasarkan konsep tanda seperti ikon, indeks dan simbol, keris dapat difahami sebagai satu sistem representasi yang menyalurkan nilai identiti, keturunan dan status pemilik. Sebagai contoh, bentuk hulu tertentu seperti *hulu pakkalimpo* dalam tradisi Bugis sering ditafsirkan sebagai lambang keberanian atau kehormatan (Hamzuri, 1987). Pendekatan semiotik membolehkan tafsiran yang lebih mendalam terhadap simbolisme bilah, pamor dan ukiran, sekali gus mengungkap makna tersirat yang tidak dapat dijelaskan melalui analisis formal semata-mata.

Selain itu, teori budaya material menyediakan kerangka untuk memahami keris sebagai objek budaya yang berkait rapat dengan teknologi pembuatan, pemilihan bahan, kemahiran tukang serta amalan penggunaan harian atau ritual. Perspektif budaya material menekankan bahawa objek fizikal membawa jejak sosial, hubungan ekonomi dan perubahan budaya. Melalui pendekatan ini, aspek seperti proses tempa, jenis besi, teknik pamor serta penghasilan hulu dan sarung dapat dianalisis sebagai refleksi pengalaman serta penyesuaian masyarakat Bugis termasuk perubahan selepas penghijrahan ke kawasan baharu.

Akhir sekali, teori identiti budaya dan diaspora digunakan untuk memahami peranan keris sebagai simbol identiti dalam kalangan masyarakat Bugis perantauan. Dalam konteks diaspora, objek budaya berfungsi sebagai medium penting dalam memelihara memori sosial dan kesinambungan warisan. Bagi masyarakat Bugis di Sabah, keris bukan hanya senjata tradisional, tetapi simbol jati diri, penanda asal-usul dan lambang hubungan dengan tanah leluhur di Sulawesi. Oleh itu, keris menjadi salah satu wahana utama dalam pembentukan dan pengukuhan identiti generasi Bugis di Sabah.

Secara keseluruhannya, gabungan teori estetika, semiotik, budaya material dan identiti budaya memberi asas analisis yang holistik terhadap struktur dan fungsi keris Bugis. Pendekatan ini membolehkan kajian meneliti keris daripada tiga dimensi utama iaitu bentuk, makna dan peranan sosial, sekali gus menjelaskan kedudukannya sebagai artifak budaya yang kompleks serta signifikan dalam kehidupan masyarakat Bugis di Sabah.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan bagi meneliti struktur dan fungsi keris dalam kalangan masyarakat Bugis di Tawau, Sabah. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kaedah ini sesuai untuk memahami makna budaya, simbolisme serta nilai yang terkandung dalam warisan tradisional. Melalui pendekatan ini, pengkaji berupaya menyelidiki pengalaman, pandangan dan pemaknaan masyarakat terhadap keris secara mendalam. Menurut Creswell (2018), penyelidikan kualitatif memberi peluang kepada penyelidik untuk memahami sesuatu fenomena sosial dalam konteks semula jadi serta meneroka perspektif individu yang terlibat secara holistik.

Bagi memperoleh data yang relevan, kajian ini menggunakan tiga kaedah utama, iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Pemerhatian dijalankan terhadap bentuk fizikal keris yang merangkumi hulu, bilah, sarung dan pamor bagi mengenal pasti ciri-ciri struktur serta hubungannya dengan fungsi dan simbolisme dalam masyarakat. Temu bual pula dilaksanakan bersama informan tempatan seperti pemilik keris, tukang pandai besi dan tokoh budaya Bugis untuk mendapatkan maklumat berkaitan fungsi keris dalam upacara adat, proses perundingan dan kedudukannya dalam peranan sosial masyarakat. Kaedah ini penting kerana ia membolehkan pengkaji memahami bukan sahaja aspek material keris, tetapi juga nilai budaya yang mendasari penggunaannya. Menurut Merriam dan Tisdell (2016), mereka menegaskan bahawa temu bual serta pemerhatian merupakan teknik utama dalam penyelidikan kualitatif kerana keupayaannya menghasilkan data kontekstual yang sahih serta mendalam.

Di samping itu, kaedah analisis dokumen digunakan untuk meneliti sumber sekunder seperti buku, jurnal dan laporan yang membincangkan keris Bugis serta kebudayaan masyarakat Bugis di Sabah. Kaedah ini penting bagi membina asas teori serta menyokong dapatan lapangan dengan bukti ilmiah yang kukuh. Semua data yang dikumpulkan dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola, makna dan representasi budaya yang berkaitan dengan struktur serta fungsi keris dalam kehidupan masyarakat Bugis di Tawau. Analisis tematik dipilih kerana kaedah ini sesuai untuk mentafsir makna budaya yang bersifat tersirat, kompleks dan berlapis. Kaedah ini turut digunakan oleh Junior Kimwah (2024) iaitu kaedah analisis dokumentasi dengan merujuk kepada bahan bertulis dan rekod arkib di Koleksi Muzium Sarawak. Akses kepada bahan diperoleh melalui kebenaran rasmi pihak arkib dan pengumpulan data dijalankan melalui dua siri lawatan bagi mendapatkan, menyemak serta mengesahkan sumber berkaitan. Selain bahan dokumen, beberapa artifak turut diteliti bagi memperkukuh konteks kajian.

LATAR BELAKANG MASYARAKAT BUGIS

Masyarakat Bugis merupakan salah satu etnik utama dari Sulawesi Selatan, Indonesia yang terkenal dengan identiti maritim mereka. Sejak dahulu, mereka dikenali sebagai pelaut, pedagang dan perantau yang gigih sehingga memberikan impak besar terhadap jaringan perdagangan di rantau Nusantara. Mobiliti tinggi serta kemampuan menguasai perairan menjadikan mereka mampu membina hubungan sosial, ekonomi dan politik yang luas dengan pelbagai komuniti di Asia Tenggara. Keberanian dan daya juang yang dimiliki menjadikan orang Bugis antara kelompok etnik yang berpengaruh dalam sejarah serantau (Christian Pelras, 1996).

Menurut Ahmad Rahman (2020), selain sejarah maritim yang gemilang, masyarakat Bugis turut memiliki sistem nilai budaya yang unik, khususnya konsep *siri' na pacce*. *Siri'* merujuk kepada harga diri atau maruah yang wajib dipertahankan, manakala *pacce* menekankan nilai solidariti dan empati sesama anggota masyarakat. Kedua-dua konsep ini bukan sahaja mengatur norma kehidupan seharian, tetapi juga menjadi teras kepada keutuhan

identiti Bugis, termasuk dalam konteks diaspora. Nilai budaya tersebut terus diwarisi dan diamalkan dalam pelbagai aspek seperti adat resam, sistem kekeluargaan, bahasa dan simbol tradisional mereka.


Migrasi masyarakat Bugis ke Sabah, terutamanya ke daerah Tawau, bermula sejak abad ke-19. Perpindahan ini didorong oleh faktor ekonomi, ketidakstabilan politik dan keinginan untuk mencari peluang hidup yang lebih baik. Mereka berhijrah melalui laluan laut dan memilih kawasan pesisir sebagai tempat penempatan kerana sesuai untuk menjalankan aktiviti perdagangan serta pertanian. Kehadiran mereka bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat, malah turut memperkayakan kepelbagaian etnik dan budaya di Sabah. Komuniti Bugis di Tawau berkembang sebagai kelompok yang dinamik dan mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu tanpa mengabaikan warisan budaya yang dibawa dari tanah asal.

Di Tawau, masyarakat Bugis masih mengekalkan pelbagai amalan adat, tradisi dan seni warisan yang diwarisi secara turun-temurun. Salah satu simbol budaya yang signifikan ialah keris, yang bukan sahaja dilihat sebagai senjata, tetapi turut melambangkan status sosial, keberanian dan nilai estetika yang tersendiri. Fungsi keris melangkaui aspek material kerana ia menjadi representasi identiti serta kesinambungan budaya masyarakat Bugis di tanah perantuan. Oleh itu, kewujudan keris Bugis dalam kehidupan masyarakat Bugis di Tawau memperlihatkan bagaimana simbol tradisional dapat terus bertahan dan kekal relevan meskipun berhadapan arus perubahan zaman.

DAPATAN KAJIAN

Keris merupakan lambang ketamadunan dan warisan budaya yang mempunyai kedudukan istimewa dalam masyarakat Melayu dan Nusantara, termasuk dalam kalangan etnik Bugis di Sabah. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai senjata tradisional untuk pertahanan diri, tetapi turut dianggap sebagai simbol kekuasaan, status sosial dan identiti keturunan. Kehalusan pembuatannya memperlihatkan kemahiran serta kreativiti tukang besi tempatan yang menggabungkan unsur seni, spiritualiti dan teknologi tradisional dalam satu objek budaya yang sarat makna. Dalam masyarakat Bugis, keris tidak dianggap sekadar objek material, sebaliknya dilihat sebagai entiti yang mempunyai roh atau semangat tersendiri yang dikaitkan dengan keberanian, kejujuran dan maruah pemiliknya.

Keunikan keris dapat diperhatikan melalui reka bentuknya yang kompleks dan penuh simbolisme. Setiap bahagian seperti bilah, hulu dan sarung mempunyai peranan tersendiri yang mencerminkan falsafah kehidupan masyarakat Bugis. Bilah keris biasanya dibentuk sam ada lurus atau beralun, yang melambangkan kekuatan, keberanian dan keteguhan semangat pemiliknya. Hulu keris pula berfungsi sebagai pegangan kukuh yang menandakan kestabilan, kepimpinan dan kawalan diri. Sementara itu, sarung keris bukan sahaja melindungi bilah, tetapi turut menggambarkan perlindungan terhadap maruah dan kehormatan pemiliknya. Struktur keseluruhan keris menampilkan keseimbangan antara bentuk dan fungsi yang secara simbolik mencerminkan nilai keberanian, kehormatan dan struktur sosial masyarakat Bugis di Sabah.




Rajah 2: Struktur Keris Masyarakat Bugis
Sumber: Diubah suai daripada Shahrudin bin Yob (1967)

Hulu keris atau *ulu* merupakan bahagian pegangan yang sering diukir dengan reka bentuk unik serta sarat simbolisme. Dalam masyarakat Bugis, bentuk hulu melambangkan kedudukan dan status sosial pemiliknya. Ukiran halus dengan motif flora, fauna atau bentuk antropomorfik mencerminkan kemuliaan, kekuatan dan kewibawaan lelaki Bugis. Pemilihan bahan seperti kayu kemuning, tanduk atau gading turut menggambarkan kedudukan ekonomi serta martabat keluarga pemilik keris. Dalam konteks adat, hulu keris dianggap mewakili kepala atau akal budi, iaitu perlambangan kebijaksanaan dan kepimpinan yang merupakan dua nilai utama dalam masyarakat Bugis.


Bilah keris pula merupakan bahagian utama yang berfungsi sebagai senjata, namun bagi masyarakat Bugis, bilah juga menjadi lambang keberanian dan kekuatan spiritual. Bilah keris Bugis lazimnya lebih lebar dan tebal, memperlihatkan ketegasan serta jati diri yang menjadi ciri penting dalam budaya mereka. Setiap bilah, sama ada lurus atau berlok, dipercayai mengandungi makna tersirat seperti ketenangan, keberanian atau kebijaksanaan dalam menghadapi cabaran hidup. Dalam adat Bugis, bilah turut dipercayai mempunyai semangat yang perlu dipelihara kerana berfungsi sebagai pelindung pemiliknya daripada bahaya atau unsur jahat.

FUNGSI KERIS MASYARAKAT BUGIS



Rajah 3: Sarung atau warangka
Sumber: Diubah suai daripada Hanizah Jonoh (1997)

Sarung atau *warangka* berfungsi sebagai pelindung bilah keris serta menjadi lambang kehormatan pemiliknya. Dalam tradisi Bugis, pembuatannya dilakukan dengan penuh ketelitian menggunakan bahan seperti kayu terpilih dan dihias dengan ukiran halus, emas atau perak, bergantung pada kemampuan serta status sosial individu. Sarung tidak sekadar berperan sebagai pelindung fizikal, tetapi turut mencerminkan penjagaan maruah dan kesopanan, seiring dengan nilai yang menuntut lelaki Bugis menjaga tutur kata serta tingkah laku. Dalam majlis rasmi atau upacara adat, keris biasanya disisipkan di pinggang sebagai tanda kesediaan, kewibawaan dan penghormatan terhadap tradisi.



Rajah 4: Salah satu pamor keris iaitu Pamor Raja Abala Raja
Sumber: Diubah suai daripada Hanizah Jonoh (1997)

Pamor pula merujuk kepada motif atau corak pada permukaan bilah keris yang terhasil melalui gabungan logam seperti nikel dan besi semasa proses penempaan. Bagi masyarakat Bugis, pamor tidak hanya berfungsi sebagai elemen hiasan, malah dipercayai mempunyai nilai mistik dan simbolisme tersendiri. Setiap corak pamor membawa makna tertentu, antaranya dikaitkan dengan rezeki, perlindungan atau kekuatan diri. Pandai keris Bugis lazimnya menyesuaikan jenis pamor mengikut tujuan penciptaan keris tersebut, sama ada untuk kegunaan upacara, sebagai pusaka keluarga atau sebagai simbol kebesaran. Pamor turut dianggap mencerminkan keperibadian serta nasib pemiliknya.

Dalam kalangan masyarakat Bugis di Tawau, keris memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai pusaka turun-temurun, tetapi juga sebagai elemen utama dalam pelbagai upacara adat dan kebudayaan. Dalam majlis perkahwinan, keris disisipkan di pinggang pengantin lelaki sebagai lambang tanggungjawab, keberanian dan kejantanan. Ia menandakan kesediaan seorang suami untuk melindungi keluarganya serta memelihara maruah rumah tangga.

Dalam upacara perundingan dan adat rasmi, keris lazimnya dibawa oleh wakil keluarga sebagai tanda kebijaksanaan dan kehormatan ketika berunding, sekali gus mencerminkan semangat *siri'* (maruah) dan *pacee* (empati) yang menjadi asas kehidupan masyarakat Bugis. Selain itu, dalam acara kebudayaan, keris digunakan sebagai alat peragaan dan simbol kebanggaan etnik yang menonjolkan identiti serta kesinambungan tradisi leluhur.

Keris turut dianggap sebagai lambang maruah dan kehormatan keluarga. Ia diwariskan dari satu generasi ke generasi berikutnya sebagai pusaka suci yang mengandungi nilai sejarah dan spiritual. Menjaga dan memelihara keris dilihat sebagai usaha mempertahankan maruah keluarga, manakala kehilangan atau kerosakan keris sering ditafsirkan sebagai kehilangan sebahagian daripada warisan dan identiti diri. Oleh itu, kedudukan keris dalam masyarakat Bugis bukan sahaja sebagai objek seni atau artifak sejarah, tetapi juga sebagai simbol hubungan mendalam antara manusia. Kepercayaan dan

warisan budaya.

NILAI DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil penelitian terhadap struktur dan bentuk fizikal keris yang merangkumi bahagian hulu, bilah, sarung dan pamor serta fungsi setiap komponen dalam kehidupan masyarakat Bugis menunjukkan bukan sahaja kehalusan pertukangan tradisional, tetapi turut mencerminkan makna mendalam yang berkait dengan kekuatan, maruah dan keturunan. Kajian ini mendapati bahawa struktur dan fungsi keris dapat difahami, diamalkan serta diwariskan sebagai sebahagian daripada identiti budaya masyarakat Bugis di Tawau, Sabah.

Selain itu, kajian ini signifikan kerana berperanan mendokumentasikan keris Bugis sebagai salah satu warisan budaya penting masyarakat Bugis di Sabah. Hasil kajian ini membantu memastikan pengetahuan mengenai struktur, fungsi dan nilai simbolik keris tidak terhapus daripada ingatan generasi muda serta tidak hilang ditelan arus modenisasi (Nurhayati Rahman, 2020). Mellaui usaha pemeliharaan dan dokumentasi yang sistematik, generasi akan datang beruopaya memahami serta menghargai nilai budaya Bugis sebagai sebahagian daripada khazanah sejarah dan warisan identiti Nusantara.

Menurut Muhammad Fariz (2021), selain berfungsi sebagai senjata, keris turut menjadi lambang identiti, status sosial dan keberanian dalam masyarakat Bugis. Bentuk serta struktur keris yang kukuh melambangkan kekuatan fizikal dan spiritual pemiliknya, manakala penggunaannya dalam adat dan upacara mencerminkan kesinambungan nilai budaya dalam kalangan masyarakat Bugis di Tawau. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa nilai dan fungsi keris masih memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri komuniti Bugis di Sabah meskipun berada dalam konteks persekitaran moden. Hal ini menegaskan bahawa warisan budaya seperti keris berfungsi sebagai medium pengukuhan identiti etnik serta simbol maruah dan kebanggaan komuniti.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, keris Bugis merupakan warisan budaya yang memiliki nilai sejarah, simbolik dan sosial yang signifikan dalam kehidupan masyarakat Bugis di Tawau, Sabah. Struktur fizikalnya yang merangkumi bilah, hulu, sarung dan pamor bukan sekadar komponen senjata, tetapi turut melambangkan kekuatan, kehormatan dan keturunan pemiliknya. Keris juga memainkan peranan penting dalam pelbagai konteks sosial seperti adat perkahwinan, upacara perundingan dan pewarisan keluarga, menjadikannya simbol maruah serta lambang identiti masyarakat Bugis. Walaupun berhadapan dengan arus modenisasi, fungsi dan kedudukan keris dalam kehidupan masyarakat Bugis masih dikekalkan sebagai bentuk penghormatan terhadap warisan leluhur. Oleh itu, usaha pemeliharaan dan pemahaman terhadap struktur serta fungsi keris Bugis adalah penting bagi memastikan kesinambungan wairisan budaya ini terus terpelihara dan dihargai oleh generasi masa kini dan akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. (2019). *Keris: Warisan seni dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Jelani Halimi. (2012). *Sejarah keris Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Rahman. (2020). Nilai *siri'na pacce* dalam budaya Bugis kontemporari. *Jurnal Antropologi Indonesia*, 42(2), 145–160.
- Ahmad Rahman. (2021). *Budaya dan tradisi masyarakat Bugis di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah Press.
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. *Journal of Qualitative Research in Psychology*, 12(3), 39–55.
- Christian Pelras. (2021). *The Bugis* (Edisi terkini). Singapura: NUS Press.
- Creswell, J. W. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). California: SAGE Publications.
- Hanizah Jonoh. (1997). *Senjata-senjata di zaman Kesultanan Melayu Johor*. Johor: Yayasan Warisan Johor & Bosshouse Sdn. Bhd.
- Junior Kimwah, & Zaimie Sahibil. (2022). Image Of Bajau Kubang Sunduk in Omadal Island. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 12(2). <https://doi.org/10.51200/ga.v12i2.4047>
- Junior Kimwah (2024). Interpretations of Zoomorphic Images in the Painted Cave at Sarawak, Malaysia. *ISVS e-journal*, 11. pp. 393-402. https://doi.org/69275/ISVSej_2024-11-02-25
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Muhammad Faris. (2021). Simbolisme keris Bugis dalam budaya diaspora di Sabah. *Jurnal Warisan Nusantara*, 5(2), 45–56.
- Nurhayati Rahman. (2020). Preserving traditional weaponry as cultural heritage: The case of Bugis keris. *Journal of Maritime and Nusantara Studies*, 4(2), 55–70.
- Nurul Azlin. (2023). Warisan keris Bugis dalam konteks masyarakat diaspora di Malaysia Timur. *Jurnal Warisan Nusantara*, 7(2), 77–91.
- Rahilah Omar. (2017). Migrasi dan adaptasi budaya Bugis di Sabah. *Jurnal Sejarah*, 24, 85–100.
- Siti Zubaidah Ismail. (2015). Simbolisme keris dalam budaya Melayu. *Jurnal Seni dan Budaya*, 12, 55–70.